



Quality

KUALITI

In principle and in practice, PGB is fully committed to its 5 Quality Principles (5QPs). The PGB Quality Culture is being carefully nurtured and grown through Continuous Improvement Propels Total Achievement (CIPTA) and Organisational Learning (OL) related activities. As part of Management recognition and appreciation of staff involvement in various continuous improvement activities, several in-house conventions were held to promote the initiatives and activities related to the Quality Culture Process (QCP) and Organisational Learning (OL). The focus was clearly on the sharing of knowledge and experience within the organisation.

As part of CIPTA and post QCP education efforts, PGB staff were assigned to Quality Improvement Teams or Corrective Action Teams (QIT/CAT) to rectify identified non-conformances or to improve existing performance standards. Seven QIT/CATs participated in the PGB CIPTA Convention held on 29 August 2002 with the theme "CIPTA Towards Excellent Learning Organisation and Business Performance." The winner for QIT/CAT category was TERAS of Transmission Operations Division (TOD) which later represented PGB at the PETRONAS West Coast Quality Convention. Other QIT/CATs from the Plant Operations Division (POD) and Centralised Utility Facilities (CUF) also made the Company proud at both PETRONAS and National Productivity Council (NPC) Regional

Pada prinsip dan amalnya, PGB memang komited sepenuhnya terhadap 5 Prinsip Kualiti (5QP). Budaya Kualiti PGB dipupuk sebaiknya dan dikembangkan melalui Peningkatan Berterusan Menjana Pencapaian Menyeluruh (CIPTA) dan kegiatan yang berkaitan dengan Pembelajaran Organisasi (OL). Sebagai pengiktirafan dan penghargaan pihak Pengurusan terhadap penglibatan kakitangan dalam pelbagai aktiviti penambahbaikan yang berterusan, beberapa konvensyen dalaman telah diadakan untuk memperkenalkan inisiatif dan aktiviti yang berkaitan dengan Proses Budaya Kualiti (QCP) dan Pembelajaran Organisasi (OL). Yang jelasnya tumpuan adalah terhadap perkongsian ilmu pengetahuan dan pengalaman di dalam organisasi itu sendiri.

Sebagai sebahagian daripada CIPTA dan pasca usaha pendidikan QCP, kakitangan PGB telah ditugaskan ke Kumpulan Penambahbaikan Kualiti atau Kumpulan Tindakan Pembetulan (QIT/CAT) untuk memperbaiki perkara-perkara tak akur yang dikenal pasti atau meningkatkan tahap prestasi yang ada. Tujuh Kumpulan QIT/CAT telah mengambil bahagian di Konvensyen CIPTA PGB yang berlangsung pada 29 Ogos 2002 yang bertemakan "CIPTA Ke Arah Organisasi Pembelajaran dan Prestasi Perniagaan Cemerlang". Pemenang untuk Kategori QIT/CAT ialah Kumpulan TERAS dari Bahagian Operasi Penyaluran (TOD) yang kemudiannya mewakili PGB di Konvensyen Kualiti Pantai Barat PETRONAS. Kumpulan

Quality KUALITI

Conventions. At the latter, two teams from POD i.e GOLDEN ARROW and EXCELLENT, were accorded 3-Star and 2-Star awards respectively .

G-POWER, the QIT/CAT from CUF won the award for the Most 5QPs Application category in the PETRONAS East Coast Quality Convention held on 28-29 October 2002. ARROW, the team from POD secured a 3-Star Gold Award and was ranked among the top 10 teams in the NPC National QCC Convention held on 9 -11 September 2002 .

The innovative online Employee Suggestion Scheme (e-ESS) rolled out throughout PGB, has proven to be user-friendly and easily accessible by staff. It stimulated a total of 598



Suriyani binti Samion received the Certificate of Appreciation for the suggesting the most number of suggestions on the online electronic Employee Suggestion Scheme (e-ESS).

Suriyani binti Samion menerima Sijil Penghargaan bagi cadangan terbanyak di Skim Cadangan Kakitangan talian elektronik.

QIT/CAT lain dari Bahagian Operasi Loji (POD) dan Kemudahan Utiliti Berpusat (CUF) telah juga membanggakan Syarikat di kedua-dua konvensyen iaitu Konvensyen PETRONAS dan Konvensyen Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) peringkat wilayah. Di Konvensyen NPC peringkat wilayah, dua kumpulan dari POD iaitu Kumpulan GOLDEN ARROW dan EXCELLENT telah masing-masing diberi anugerah 3 bintang dan 2 bintang.

Kumpulan QIT/CAT dari CUF iaitu G-POWER telah memenangi anugerah untuk kategori Penerapan 5QP Paling Banyak di Konvensyen Kualiti Pantai Timur PETRONAS yang diadakan pada 28 – 29 Oktober 2002. Kumpulan ARROW dari POD telah memperoleh Anugerah Emas 3 Bintang dan telah disenaraikan antara 10 pasukan yang terbaik di Konvensyen Kualiti Kebangsaan NPC yang berlangsung pada 9 – 11 September 2002.

Skim Cadangan Kakitangan (e-ESS) dalam talian yang inovatif diperluaskan ke seluruh PGB, telah terbukti mesra pengguna dan mudah diguna oleh kakitangan. Ia telah mencetuskan sejumlah 598 cadangan dari Januari hingga Disember 2002. Sebagai usaha untuk mengekalkan semangat kakitangan dan sokongan Pengurusan, sesi penghargaan secara formal telah diadakan untuk mengiktiraf cadangan mereka.

Semua proses kerja yang ada di Syarikat telah didokumentasikan dengan jayanya buat pertama kali dalam satu pangkalan data melalui Sistem Operasi Perniagaan (BOS) yang boleh digunakan dalam talian oleh semua kakitangan.

Satu Audit Kecukupan BOS oleh SIRIM telah dilaksanakan dengan jayanya pada 9 Januari 2003. Ini diikuti pula oleh pelancaran dengan

suggestions from January to December 2002. In an effort to sustain staff enthusiasm and display of Management support, formal appreciation sessions were held to acknowledge the suggestions.

All existing work processes of the Company have been successfully documented for the first time in a single database through the Business Operation System (BOS) which is accessible online by all staff.

An Adequacy Audit of the BOS by SIRIM was successfully conducted on 9 January 2003. This was followed by the official launching of the PGB BOS and e-BOS on 16 January 2003 by the Managing Director/Chief Executive Officer. Towards the end of the financial year, there was a SIRIM Reassessment Audit. The new MS ISO 9001:2000 certification will be issued upon the completion of this audit in early April 2003 and the necessary close-out of any Non Conformance Reports from the audit findings. As a result of this the existing fragmented MS ISO 9001:1994 certification will be consolidated under one MS ISO 9001:2000 certification.

PGB, in collaboration with PETRONAS Management Training Sdn Bhd, organised three OL training sessions for 53 staff, bringing the total number of participants in OL training to 177. Two OL forums were also organised. To date the Company has conducted seven OL forums involving 221 participants and covering 26 topics related to business issues using OL principles and tools.

rasminya BOS dan e-BOS pada 16 Januari 2003 oleh Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif. Audit Penilaian Semula SIRIM telah dibuat pada akhir tahun kewangan. Persijilan MS ISO 9001:2000 yang baru akan dikeluarkan setelah audit ini selesai pada awal bulan April 2003 dan penutupan yang perlu sebarang Laporan Tidak Akur dari hasil audit. Hasilnya persijilan MS ISO 9001 :1994 sedia ada yang tidak lengkap akan digabungkan di bawah satu persijilan MS ISO 9001 :2000.

PGB dengan kerjasama PETRONAS Management Training Sdn. Bhd. telah menganjurkan tiga sesi latihan OL untuk 53 kakitangan, di mana jumlah peserta dalam latihan OL meningkat kepada 177 orang. Dua forum OL juga telah dianjurkan. Sehingga kini Syarikat telah melaksanakan tujuh forum OL yang melibatkan 221 peserta dan meliputi 26 topik yang berkaitan dengan isu perniagaan yang menggunakan alat dan prinsip OL.



Health, Safety and Environment

KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

PGB made good progress in its efforts to improve its HSE performance through a thorough evaluation of the lessons learnt from the May 2002 incident and implementation of improved measures, especially for managing contractor safety. PGB conducted an extensive review of all HSE procedures and practices, the results of which were communicated to PGB's employees as well as contractors' workers. One critical area of improvement was the involvement of contractor's management in the planning and monitoring of turnaround jobs. Prior to initiation of any work, the various parties concerned must identify all the potential hazards, assess the risks and formulate mitigation actions, a process known as Hazard and Effect Management Process (HEMP). More frequent audits were carried out by PGB senior managers, contractors and third parties prior to and during the implementation stages of the work, to ensure all mitigation measures were in place. Another significant improvement was in HSE communication. HSE

PGB telah membuat kemajuan yang baik dalam usahanya untuk meningkatkan prestasi HSE melalui penilaian yang teliti daripada pengajaran yang diperoleh daripada peristiwa Mei 2002 dan pelaksanaan langkah-langkah yang diperbaiki terutamanya pengurusan keselamatan kontraktor. PGB telah mengendalikan kajian semula yang terperinci tentang semua prosedur dan amalan yang mana hasilnya telah disampaikan kepada kakitangan-kakitangan PGB dan juga pekerja-pekerja kontraktor. Satu bahagian penambahbaikan yang penting ialah penglibatan pengurusan kontraktor dalam perancangan dan pemantauan kerja-kerja pembaikan loji. Sebelum sesuatu kerja itu dilaksanakan, semua pihak yang berkenaan mesti mengenal pasti semua bahaya yang mungkin dihadapi, menaksir risiko dan merumuskan tindakan untuk mengurangkan bahaya di mana proses dikenali sebagai Proses Pengurusan Bahaya dan Kesannya. Audit yang lebih kerap akan dilaksanakan oleh pengurusan PGB, kontraktor dan pihak ketiga sebelum dan semasa kerja dijalankan untuk memastikan semua langkah pengurangan bahaya tersusun. Satu lagi penambahbaikan yang nyata ialah komunikasi HSE. Kesedaran HSE dan motivasi di kalangan kakitangan bertambah baik hasil daripada sesi taklimat dan dialog tentang Dasar HSE yang sering diadakan oleh Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan tertinggi pelbagai bahagian.



Tuan Syed Mohd Kamal Alhabshi bin Syed Abdul Rahman (left) receiving the Grand Award from MSOSH representative.

Tuan Syed Mohd Kamal Alhabshi bin Syed Abdul Rahman (kiri) menerima Anugerah Utama dari wakil MSOSH.

Health, Safety and Environment

KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

awareness and motivation among staff improved as a result of regular briefings and dialogue sessions on HSE Policy conducted by the Managing Director/Chief Executive Officer and senior management of the various divisions.

PGB's concern about the health and well being of its employee has translated into the promotion of a healthy lifestyle through the Total Wellness Programme. All staff are required to attend the Personal Health Management training sessions where they are shown how much they can benefit from good nutrition and regular exercise. Six programmes have been conducted to date and more are in the pipeline. Besides this, regular talks by health professionals have been organised to sustain staff awareness and motivation. All these are over and above the Occupational Health improvement requirements of the Health, Safety and Management System (HSEMS).

Keprihatinan PGB tentang kesihatan dan kesejahteraan kakitangannya telah diterjemahkan ke dalam promosi gaya hidup yang sihat melalui Program Kesejahteraan Menyeluruh. Semua kakitangan dikehendaki menghadiri sesi latihan Pengurusan Kesihatan Peribadi di mana mereka diperlihatkan betapa banyaknya faedah yang mereka perolehi daripada pemakanan yang baik dan senaman yang tetap. Sehingga kini, enam program telah dilaksanakan dan banyak lagi akan dijalankan tidak lama lagi. Di samping itu, ceramah oleh pakar kesihatan sering dianjurkan untuk terus mengekalkan kesedaran kakitangan dan memberi mereka motivasi. Semuanya ini adalah selain daripada keperluan penambahbaikan Kesihatan Pekerja dalam Sistem Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar.



PGB personnel and contractors conduct morning meetings at site before work commence.

Kakitangan PGB dan kontraktor mengadakan mesyuarat di tapak sebelum memulakan tugas.



A scene in the operations room during the emergency response exercise 'GAStex' at Export Terminal in Tanjung Sulong, Kemaman, Terengganu.

Suasana di dalam bilik operasi semasa latihan kecemasan 'GAStex' di Terminal Eksport, Tanjung Sulong, Kemaman, Terengganu.

PGB continued to ensure its operations do not have an adverse impact on the environment through strict compliance with the Environmental Quality Act 1974. The Plant Operations Division (POD) extended and improved its waste yard in accordance with the Department of Environment's Guideline for Storage of Scheduled Wastes.

Reflecting its efforts to improve HSE performance, the Transmission Operations Division (TOD) achieved 10 million manhours worked without Lost Time Incident (LTI) in February 2003 whilst POD accumulated 4.8 million manhours worked without LTI since the May 2002 incident. This brought the total achieved by the Company to 7.6 million manhours worked without LTI as at 31 March 2003.

TOD received a Gold Award for Occupational Safety from the UK-based Royal Society for the Prevention of Accidents (ROSPA) and another Gold Award from the Malaysian Society of Occupational Safety and Health (MSOSH). POD also received a Gold Award and CUF the Grand Award from MSOSH.

PGB terus memastikan bahawa operasinya tidak memberi kesan buruk kepada alam sekitar dengan mematuhi sebenar-benarnya Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. Bahagian Operasi Loji (POD) telah memperluas dan memperbaiki kawasan buangan menurut arahan Panduan Jabatan Alam Sekitar untuk Penyimpanan Buangan yang Berjadual.

Melihat semula usaha untuk meningkatkan prestasi HSE, Bahagian Operasi Penyaluran (TOD) telah mencapai 10 juta jam bekerja tanpa kemalangan pada bulan Februari 2003 manakala POD telah mengumpulkan 4.8 juta jam bekerja tanpa kemalangan sejak peristiwa Mei 2002. Ini membawa kepada jumlah pencapaian Syarikat sebanyak 7.6 juta jam bekerja tanpa kemalangan pada 31 Mac 2003.

TOD telah menerima Anugerah Emas untuk Keselamatan Pekerjaan daripada Royal Society for the Prevention of Accidents yang berpangkalan di United Kingdom dan satu lagi Anugerah Emas daripada Persatuan Keselamatan Kerja dan Kesihatan Malaysia (MSOSH). POD dan CUF juga masing-masing menerima Anugerah Emas dan Anugerah Utama daripada MSOSH.